

BAJET GENDER DI MALAYSIA



Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Ministry of Women, Family and Community Development



Diterbitkan oleh
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 1-5, Blok E, Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana,
Jalan Dato' Onn, 50515 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03 2693 0095 Faks: 03 2698 5982
Laman web: www.kpwkm.gov.my

Dengan pembiayaan oleh
Program Pembangunan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia
www.undp.org.my

ISBN 983-41432-7-3

© KPWK 2005. Hakcipta Terpelihara.
Terbitan pertama 2005

Hak milik terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan cetak mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada Ketua Setiausaha, KPWK.

Sebarang pertanyaan mengenai penerbitan semula atau terjemahan kandungan penerbitan ini hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di alamat seperti di atas.

Semua ilustrasi disumbangkan oleh Marliana Habidan, 2001

Direkabentuk di Malaysia oleh
Thumb-Print Studio Sdn Bhd
www.thumbprint.com.my

Kata Pengantar oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Bajet gender mengalami perkembangan yang memberangsangkan sejak dekad lalu atas kesedaran bahawa bajet yang responsif gender merupakan alat yang efektif untuk mengintegrasikan gender dalam arus perdana negara. Pada masa kini, bajet gender merupakan pendekatan utama di peringkat antarabangsa ke arah meningkatkan kesaksamaan gender antara perempuan dan lelaki. Dengan mengambil kira impak setiap aspek bajet terhadap perempuan dan lelaki, bajet yang responsif gender (GRB) menangani secara berkesan jurang gender dalam peruntukan bajet khususnya dalam bidang-bidang penting seperti pendapatan, kesihatan, pendidikan dan pembangunan bagi memastikan sumber kerajaan diperuntukkan mengikut keutamaan untuk faedah semua rakyat.

Penerimaan Malaysia terhadap inisiatif bajet gender membuktikan komitmen negara bagi mencapai kesaksamaan gender dan menunjukkan keyakinan bahawa bajet gender boleh membantu negara mencapai Wawasan 2020 melalui penggunaan sumber manusia dan kewangan secara optimum. Langkah memasukkan perspektif gender dalam dasar negara bukan sahaja dapat memperkemas tadbir urus dan menggalakkan penyertaan masyarakat sivil dalam penggubalan dasar ekonomi tetapi juga dapat meningkatkan

proses sosial dan politik negara melalui pengenalan pengetahuan, kemahiran dan idea baru yang dapat menentukan perkembangan kapasiti pertumbuhan ekonomi negara serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Di samping itu, bajet yang responsif gender membantu dalam memantau dan menilai perbelanjaan kerajaan berdasarkan komitmen gender dan pembangunan yang dibuat di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa termasuk Konvensyen Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

Walaupun lebih daripada enam puluh buah negara telah melaksanakan sebahagian aktiviti bajet gender, namun kebanyakan daripada inisiatif tersebut hanya dilaksanakan secara *one-off* dengan sedikit atau tanpa tindakan susulan. Alhamdulillah kerana Malaysia merupakan negara yang melaksanakan konsep GRB yang direalisasikan melalui penggubalan dan pelaksanaan secara perintis demi menjamin kejayaan pelaksanaannya. Kami berasa bangga memaklumkan bahawa mulai Jun 2005, selain memperkenalkan rangka contoh format GRB dan memasukkan penyata bajet gender ke dalam proses penyediaan bajet mulai tahun 2006/7, sebuah manual yang mengandungi garis panduan dan prosedur praktikal untuk



melaksanakan GRB telah diterbitkan. Di samping itu, sekumpulan pegawai telah dilatih untuk melatih pegawai kerajaan yang lain mengenai teknik GRB.

Kejayaan projek perintis bajet gender tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan dan sumbangan yang amat bernilai daripada pelbagai organisasi dan individu. Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) telah memainkan peranan penting dalam memulakan pelaksanaan projek dengan menyediakan bantuan kewangan dan teknikal. Cik Debbie Budlender telah ber-usaha bersungguh-sungguh bagi membantu mengenal pasti isu utama dan membangunkan program GRB untuk Malaysia. Jawatankuasa Pemandu yang terdiri daripada pegawai Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah memantau pelaksanaan projek dan memastikan projek berada di landasan yang betul.

Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia, dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah turut serta dalam secara sukarela. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi dan individu tersebut serta mereka yang namanya tidak disebutkan di sini yang telah menyumbang sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kepada kejayaan projek ini.

Saya berharap semoga metodologi yang digunakan dan pengalaman yang diperolehi dalam pelaksanaan aktiviti bajet gender Malaysia dapat menjadi garis panduan yang berguna kepada negara lain yang telah terlibat atau berhasrat untuk melaksanakan bajet yang responsif gender. Kepada individu yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai inisiatif bajet gender di Malaysia bolehlah menghubungi Kementerian di alamat info@kpwkm.gov.my.



DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

December 2005

Kata Pengantar oleh Wakil Tetap Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura, dan Brunei Darussalam

Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) berasa gembira dapat bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia dalam melaksanakan inisiatif bajet gender. Objektif utama pembajetan gender untuk mencapai kesaksamaan gender antara perempuan dan lelaki dengan mengambil kira elemen gender dalam arus perdana negara selaras dengan prinsip hak asasi manusia mengenai keadilan dan tanpa-diskriminasi sebagaimana yang diperjuangkan oleh UNDP serta seluruh sistem Bangsa-Bangsa Bersatu.

Malaysia telah mencapai kemajuan yang besar dalam kesaksamaan gender dan pengupayaan wanita. Semua kanak-kanak perempuan berpeluang memasuki sekolah rendah dan kadar enrolmen mereka di peringkat menengah dan tertiar adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Pada masa kini, mortaliti semasa melahirkan anak lebih kurang 20 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup. Kadar ini setanding dengan banyak negara maju dan lebih kurang satu per sepuluh daripada kadar di beberapa negara jiran.

Walaupun status pendidikan dan kesihatan berada pada tahap yang tinggi tetapi kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Malaysia masih kekal pada 47 peratus bagi tempoh sepanjang tiga setengah dekad yang lalu.

Kecenderungan sebahagian besar daripada kaum wanita berhenti bekerja selepas melahirkan anak pertama terus menjadi ciri-ciri pasaran buruh di Malaysia. Situasi ini amat berbeza daripada banyak negara lain iaitu wanita tidak meninggalkan tenaga buruh semasa melahirkan anak atau menyertai semula pasaran buruh selepas mereka melahirkan anak. Sekiranya wanita Malaysia menyertai tenaga buruh pada kadar yang sama seperti Singapura (63 peratus) dan Thailand (71 peratus), tambahan tenaga buruh wanita yang berpotensi untuk bekerja adalah masing-masing seramai 1 juta dan 1.6 juta orang.

Adalah diharapkan supaya inisiatif bajet gender—yang menangani ketidakadilan atau jurang gender dalam peruntukan bajet—dapat menyumbang ke arah mencapai penyertaan tenaga buruh wanita yang lebih besar di Malaysia dan seterusnya mengurangkan pergantungan dengan ketara terhadap pekerja asing. Pencapaian ini penting kepada Malaysia yang berusaha dengan gigih untuk merealisasikan matlamat menjadi sebuah negara maju, berdaya tahan dan ekonomi yang berdaya saing menjelang 2020.

Saya amat berpuas hati dengan pencapaian projek perintis bajet gender yang telah berjaya meletakkan Malaysia lebih maju ke hadapan



dalam bidang yang secara relatifnya belum diterokai dan menggambarkan keunggulan pentadbiran dasar awam negara. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, di atas kepimpinan dan kempen bersungguh-sungguh beliau dalam memperjuangkan isu-isu berkaitan yang memberi kesan terhadap wanita di Malaysia dan di luar negara. Saya juga ingin merakamkan setinggi-

tinggi penghargaan kepada semua pihak yang turut serta dalam projek perintis dan menyumbang dalam penyediaan laporan ini. Saya berharap semoga maklumat yang terkandung dalam laporan ini yang bertujuan memenuhi keperluan Malaysia adalah relevan dengan keperluan sejagat serta dapat diguna pakai sebagai panduan berguna kepada negara lain yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai bajet yang responsif gender.



DR RICHARD LEETE
Wakil Tetap Program Pembangunan Pertubuhan
Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura,
dan Brunei Darussalam

December 2005

K a n d u n g a n

<i>Kata Pengantar oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat</i> iii
<i>Kata Pengantar oleh Wakil Tetap Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam</i> v
Pengenalan 1
1 Latar Belakang Bajet Gender di Malaysia 2
Perkembangan awal	
Peranan KPWKM	
Rasional pelaksanaan bajet gender di Malaysia	
2 Apakah yang Dimaksudkan dengan Bajet Gender? 4
Definisi utama	
3 Melaksanakan Analisis Bajet Gender 5
Pendekatan lima langkah analisis bajet gender	
Jenis data yang diperlukan untuk analisis bajet gender yang berkesan	
4 Pelaksanaan Projek Perintis Bajet Gender di Malaysia 6
Tujuan dan skop projek perintis	
Pemilihan kementerian dan program	
Menjadikan format bajet negara peka terhadap gender	
<i>Bajet mengurus</i>	
<i>Bajet pembangunan</i>	
Pencapaian projek perintis	

Pengenalan



Bajet gender secara relatifnya merupakan satu konsep pembangunan yang baru bertujuan memasukkan perspektif gender dalam bajet negara. Bajet yang responsif gender (GRB) mengambil kira keperluan dan kepentingan kumpulan penduduk yang berbeza—perempuan dan lelaki—dan bertujuan meng-agihkan sumber kerajaan secara saksama supaya dapat memenuhi keperluan semua lapisan rakyat.

Dalam laporan ini, 'bajet gender' digunakan sebagai terma utama merujuk kepada semua inisiatif GRB yang mempunyai nama berlainan seperti: 'aktiviti bajet gender', 'bajet peka terhadap gender', 'bajet responsif gender' dan 'analisis bajet gender'. Pada tahun 1995, hanya terdapat beberapa buah negara yang melaksanakan bajet gender. Pada masa kini, lebih daripada 60 buah negara telah mengambil langkah melaksanakan inisiatif GRB.

Inisiatif GRB di Malaysia diterajui oleh

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan bantuan teknikal dan kewangan oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP). Ia dimulakan dengan projek perintis di empat (kemudian menjadi lima) kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk mencuba dan memperhalusi pendekatan dan format yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan bajet gender di Malaysia.

Dalam usaha mengarusperdanakan gender dalam pentadbiran kerajaan, projek perintis memberi tumpuan kepada latihan pegawai bajet di kementerian perintis dalam kemahiran analisis bajet gender dan pembangunan penyata bajet yang peka gender. Bagi tujuan ini, KPWKM telah membangunkan *Manual Bajet Gender di Malaysia* yang mengandungi maklumat asas dan garis panduan praktikal mengenai pelaksanaan GRB khususnya kepada para pelaksana.

1 Latar Belakang

Bajet Gender di Malaysia

PERKEMBANGAN AWAL

Kerajaan Malaysia sentiasa peka terhadap isu gender dan pembangunan wanita. Dasar Wanita Negara 1989 menjelaskan akan keperluan maklumat mengenai kumpulan sasaran dikategorikan mengikut gender bagi membolehkan penilaian yang bersesuaian dilaksanakan dan memberi penekanan penting supaya kementerian dan agensi menggunakan "peruntukan yang telah diluluskan . . . bagi memenuhi keperluan program pembangunan wanita." (Rujuk Kotak 1.)

Potensi pendekatan bajet gender untuk **mengarusperdanakan gender** dalam semua aspek pentadbiran kerajaan telah diperakui oleh Perdana Menteri semasa beliau menyampaikan ucapan kepada Jawatankuasa Pemandu Serantau Wanita di Asia-Pasifik pada tahun 2000.

Pada tahun 2001, kerajaan telah menu-

buhkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) yang diberi tanggungjawab untuk mempromosi **ke-saksamaan gender** dan pembangunan wanita dalam keseluruhan pentadbiran kerajaan. KPWK telah dipilih untuk menerajui inisiatif GRB apabila Kabinet Malaysia bersetuju untuk melaksanakan bajet gender secara projek perintis. Pada Mac 2004, KPWK telah diberi tanggungjawab baru dan dinamakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

PERANAN KPWKM

KPWKM merupakan sebuah kementerian yang kecil dengan sumber yang terhad. Namun begitu, kementerian ini tidak bersendirian dalam menangani isu berkaitan gender. Peranan utama KPWKM adalah membantu agensi-agensi kerajaan supaya lebih sensitif

KOTAK 1 Dipetik daripada Dasar Wanita Negara Malaysia, 1989

Kandungan dalam Dasar Wanita Negara yang menyokong keperluan aktiviti bajet gender adalah seperti berikut:

- 3.1 Prinsip dan panduan utama Dasar Wanita ialah:
 - (h) Bahawa maklumat mengenai sasaran dan kesan program rancangan pembangunan hendaklah mengandungi data keberkesannya terhadap wanita.
- 4.1 Bagi membantu pihak perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan wanita, beberapa strategi diperturunkan bagi menjamin kecekapan, keberkesanan, keselarasan dan keseragaman dasar dan tindakan: . . .
 - (c) Merancang **pengagihan sumber-sumber** kepada pelbagai sektor yang mengendalikan **program berkaitan dengan isu-isu wanita** . . .
- 5
 - (b) Dalam **penggubalan dasar, perundangan, peraturan dan program** apa juga sektor atau agensi, pertimbangan mestilah dibuat tentang **sumbangan dan implikasinya kepada wanita**; impak dan kesan yang negatif terhadap wanita hendaklah diawasi. Satu **sistem penyelarasan dan kawalan bagi program-program yang komprehensif** hendaklah diwujudkan bagi mengelakkan kesan-kesan negatif dan juga bagi mengesani rintangan dan masalah, sama ada dari segi undang-undang, mahupun dari segi amalan, supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi mengatasinya.
- 5 (f) ... Kerajaan hendaklah menentukan bahawa segala **pengumpulan data** dan maklumat oleh berbagai-bagai sektor dan agensi kerajaan **mengasing-asingkan butiran maklumat mengenai jantina**. Dengan demikian, keperluan dan kesan program pembangunan dapat dikenal pasti supaya dasar serta tindakan lanjut dapat diambil.
- 5 (g) Kerajaan hendaklah menentukan bahawa kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan **menggunakan peruntukan yang telah diluluskan** dengan mengubahsuai tindakan bagi memenuhi **program dan projek pembangunan wanita**.

gender dalam pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab mereka.

Sehubungan ini, KPWKM bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam **isu kesihatan**; Kementerian Pelajaran dalam **isu pendidikan**; dan agensi-agensi seperti Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) dalam **hal ehwal kewangan dan isu-isu berkaitan**.

Bagi projek perintis bajet gender, KPWKM bertindak sebagai agensi pelaksana.

RASIONAL PELAKSANAAN BAJET GENDER DI MALAYSIA

Walaupun bajet gender secara konsepnya adalah baru di Malaysia, namun pelaksanaannya selaras dengan pendekatan keseluruhan kerajaan untuk mengukuhkan tadbir urus ekonomi dan meningkatkan kesamaan gender seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Perlembagaan Persekutuan dan perjanjian antarabangsa seperti Konvensyen Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Beijing +5.

Di samping itu, rasional pelaksanaan aktiviti bajet gender di Malaysia juga termasuk:




Definisi

Kesaksamaan gender mengambil kira perbezaan dalam situasi, peranan dan keperluan wanita dan lelaki, anak muda dan gadis.

Gender dalam arus perdana adalah mengenai meningkatkan kesaksamaan gender dalam semua program dan projek kerajaan.

- 1 Bajet gender bertujuan menggunakan sumber manusia negara dengan sepenuhnya dengan meningkatkan penyertaan dan sumbangan wanita kepada ekonomi dan kehidupan sosial.
- 2 Bajet gender dapat membantu mengoptimalkan penggunaan sumber kewangan negara melalui penyelarasan bajet mengikut perancangan serta, keutamaan program dan projek.
- 3 Bajet yang responsif gender dapat membantu kerajaan untuk memperbaiki (a) penentuan keutamaan, (b) perancangan, (c) pengurusan pelaksanaan, (d) pemantauan dan penilaian, dan (e) penilaian impak. (Rujuk Rajah 1.)

Rajah 1 Kegunaan bajet yang responsif gender



B a j e t G e n d e r d i M a l a y s i a

- 4 Malaysia mempunyai beberapa kelebihan yang membolehkan pelaksanaan bajet gender seperti berikut:
- Ia mempunyai sistem bajet yang mantap dan berorientasikan output yang boleh diubahsuai dengan mudah untuk mengambil kira elemen gender.
 - Kementerian dan agensi pusat seperti Kementerian Kewangan dan UPE sedang mengambil pendekatan ke arah perancangan yang lebih analitikal dan bersifat jangka panjang.
 - Kerajaan secara relatifnya mempunyai tahap kawalan kewangan yang kukuh ke atas bajet.

2 Apakah yang Dimaksudkan dengan Bajet Gender?

Seperi yang dinyatakan sebelum ini, bajet gender merupakan satu konsep pembangunan yang bertujuan memasukkan perspektif gender ke dalam bajet negara bagi membolehkan kerajaan mengkaji semula dasar dan keutamaannya serta sumber yang diperlukan untuk mencapai objektif kesaksamaan gender.

Memandangkan bajet gender dilaksanakan melalui bajet yang juga merupakan alat dasar kerajaan yang paling penting—maka pendekatan bajet gender telah diterima secara meluas sebagai alat yang berkesan dalam usaha untuk mengurus-perdanakan gender dalam pentadbiran kerajaan.

DEFINISI UTAMA

1 Bajet gender bertujuan untuk menghasilkan bajet yang responsif gender

Bajet gender bukan bermaksud menyediakan bajet berasingan untuk wanita atau bajet secara berasingan untuk wanita dan lelaki. Sebaliknya, ia mengambil kira impak dalam setiap aspek bajet terhadap perempuan dan lelaki. Bajet yang responsif gender mengambil kira perbezaan dalam situasi, peranan, sumbangan dan keperluan antara lelaki dan perempuan daripada pelbagai kumpulan dan seterusnya mengambil tindakan mengikut kesesuaian.

2 Bajet gender membezakan antara gender dan jantina

Analisis bajet gender mengambil kira perbezaan antara gender dan jantina dalam menilai impak bajet terhadap perempuan dan lelaki. Memandangkan kita dilahirkan sebagai lelaki atau perempuan dan perbezaan berkaitan jantina sukar untuk diubah, maka dasar hanya boleh bertindak balas terhadap perbezaan jantina bagi



perkara yang berkaitan jasmani (seperti melahirkan anak dan penyakit prostat). Oleh sebab perbezaan berasaskan gender pula ditentukan oleh masyarakat, maka dasar boleh bertindak balas mengubah stereotaip gender (umpamanya anggapan bahawa lelaki sahaja sebagai pencari nafkah) seperti menghapuskan halangan terhadap wanita dan gadis mengikuti kursus latihan yang bukan berbentuk tradisional.

3 Aktiviti bajet gender bukan mengenai nisbah 50–50

Bajet gender bukan bertujuan memperuntukkan bajet secara sama rata antara lelaki dengan perempuan. Sebaliknya, bajet yang responsif gender bertujuan untuk mengagihkan sumber secara saksama bagi memenuhi keperluan yang berbeza di kalangan perempuan dan lelaki, agar setiap individu boleh mencapai potensi penuh mereka. Contohnya, walaupun wanita dan lelaki mempunyai kemungkinan yang sama untuk terdedah kepada masalah kesihatan, wanita mempunyai keperluan berkaitan kesihatan reproduktif yang lebih berbanding lelaki kerana wanita berperanan melahirkan anak. Oleh yang demikian, peruntukan bajet kesihatan secara sama rata (nisbah 50–50) antara lelaki dan wanita mendiskriminasikan wanita dari segi keperluan mereka.

4 Aktiviti bajet gender mengambil kira kerja tanpa bayaran

Kerja tanpa bayaran merujuk kepada tugas seperti melahirkan dan mendidik anak serta menjaga orang tua dan orang sakit. Memandangkan tugas tersebut biasanya tidak dibayar maka ia tidak dimasukkan dalam perkiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan sering tidak diambil kira oleh perancang dan pegawai bajet.

Pengabaian terhadap sumber manusia boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara dan kebajikan rakyat. Oleh itu, bajet gender sentiasa menggalakkan penggubal dasar membuat semakan supaya beban kerja tanpa bayaran tidak menghalang individu (terutamanya wanita) daripada menyumbang kepada pembangunan ekonomi mahupun sosial.

3 Melaksanakan Analisis Bajet Gender

Analisis bajet gender ialah amalan penganalisan data bagi memahami perbezaan situasi antara perempuan dan lelaki yang bertujuan untuk memenuhi keperluan khusus mereka. Penganalisan data ini merupakan proses pertama daripada dua proses dalam aktiviti bajet gender. Proses kedua ialah membangunkan bajet yang responsif gender.

PENDEKATAN LIMA LANGKAH ANALISIS BAJET GENDER

Analisis bajet gender merupakan satu bentuk analisis dasar kerana tujuan utama sesuatu bajet adalah untuk melaksanakan dasar. Dalam bajet gender, analisis dasar melibatkan lima langkah yang juga sering dikenali sebagai pendekatan lima langkah.

Jadual 1 menerangkan setiap langkah tersebut. Ruangan akhir menunjukkan hubungan antara setiap langkah dengan langkah lain dalam aktiviti bajet seperti yang sentiasa dilakukan oleh pegawai bajet. Nilai tambah bajet gender ialah anggapan bahawa tidak semua penduduk mempunyai keperluan yang sama atau mereka akan menerima kesan yang sama hasil daripada pelaksanaan sesuatu program kerajaan.

JENIS DATA YANG DIPERLUKAN UNTUK ANALISIS BAJET GENDER YANG BERKESAN

Bagi membolehkan pelaksanaan pendekatan lima langkah tersebut dengan berkesan, data mengikut pecahan gender, iaitu data yang menunjukkan perbezaan antara situasi wanita dan lelaki adalah diperlukan. Jadual 2 menunjukkan contoh data yang diperlukan bagi menganalisis program pendidikan.

Jadual 1 Pendekatan lima langkah analisis bajet gender

Langkah	Penerangan Langkah	Terma Bajet
1	Menerangkan situasi wanita dan lelaki, gadis dan anak muda (dan kumpulan kecil yang berbeza seperti luar bandar/ bandar, mengikut kumpulan umur, dsbnya) dalam sektor.	Analisis keperluan/ pelanggan
2	Menilai dasar, program dan projek dari segi kepekaannya terhadap gender, iaitu sama ada ia mengambil kira situasi seperti yang dinyatakan dalam Langkah 1.	Dasar, program
3	Menilai sama ada kewangan (peruntukan perbelanjaan) dan sumber lain (contoh: kakitangan) yang mencukupi diperuntukkan untuk melaksanakan dasar yang peka gender di Langkah 2 dengan berkesan.	Input
4	Memantau sama ada perbelanjaan yang diperuntukkan di Langkah 3 dibelanjakan seperti yang dirancang.	Output
5	Menilai sama ada dasar serta perbelanjaan berkaitan yang telah diperuntukkan dapat meningkatkan kesaksamaan gender seperti yang dihasratkan dan mengubah situasi yang dinyatakan di Langkah 1.	Impak/Hasil

Jadual 2 Data untuk menganalisis program pendidikan

Langkah	Jenis data yang diperlukan
1	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan lelaki dan perempuan yang tidak mendapat pendidikan secukupnya Maklumat mengenai bagaimana pendidikan dapat membantu golongan ini
2	<ul style="list-style-type: none"> Masa yang sesuai untuk belajar bagi lelaki dan perempuan yang tidak mendapat pendidikan secukupnya Maklumat mengenai tempat yang sesuai dan kemampuan mereka untuk membiayai pembelajaran tersebut
3	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah wang yang diperuntukkan untuk program Bilangan kakitangan yang ditugaskan untuk menyelaraskan program dan mengendalikan kursus
4	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan lelaki dan perempuan yang menghadiri kursus Bilangan lelaki dan perempuan yang lulus
5	<ul style="list-style-type: none"> Situasi/keadaan/kedudukan pelajar lelaki dan perempuan selepas mereka menamatkan kursus. Contoh: berapa ramai yang mendapat kerja dan berapa ramai yang berjaya meningkatkan pendapatan mereka?

4 Pelaksanaan Projek Perintis Bajet Gender di Malaysia

Definisi

Penyata Bajet Gender ialah penjelasan terhadap program kerajaan yang menghuraikan isu gender dengan nyata.



Lebih daripada 60 buah negara di dunia telah melaksanakan sebahagian atau sepenuhnya aktiviti bajet gender. Walau bagaimanapun, pengalaman negara-negara tersebut tidak dapat dijadikan sebagai model untuk melaksanakan bajet gender di Malaysia. Pertamanya kerana tidak semua inisiatif bajet gender berkenaan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Kedua, sekiranya inisiatif tersebut dilaksanakan oleh pihak kerajaan, terdapat pula perbezaan dari segi corak dan mekanisme pentadbiran kerajaan di negara-negara tersebut. Secara khususnya, pendekatan dan format bajet adalah berbeza. Menyedari akan keperluan membangunkan pendekatan bajet gender yang tersendiri berdasarkan corak pentadbiran negara, Malaysia memutuskan untuk melaksanakan aktiviti bajet gender secara perintis dahulu.

TUJUAN DAN SKOP PROJEK PERINTIS

Tujuan utama projek perintis bajet gender di Malaysia adalah untuk menguji dan membangunkan format bagi bajet gender yang terbukti boleh diguna pakai di semua peringkat kerajaan. Objektif lain termasuk untuk melatih pegawai bajet dalam kemahiran menganalisis keperluan gender bagi membolehkan mereka menghasilkan **penyata bajet gender** yang berkesan, dan menghasilkan manual yang mengandungi maklumat asas serta bahan latihan relevan kepada situasi di Malaysia. Penekanan juga diberikan untuk melahirkan sekumpulan pegawai utama yang mahir dalam pendekatan bajet gender bagi membantu

melaksanakan bajet gender dan latihan untuk Kementerian lain pada masa hadapan.

PEMILIHAN KEMENTERIAN DAN PROGRAM

Projek perintis mula dilaksanakan di empat kementerian, iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pada bulan Mac 2004, Kementerian Pendidikan telah dipecahkan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi, manakala Kementerian Pembangunan Luar Bandar ditukar nama kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah. Oleh itu, kini terdapat lima kementerian perintis bajet gender.

Pemilihan kementerian perintis ini telah dibuat dengan teliti bagi membolehkan penilaian secara komprehensif terhadap pendekatan yang diguna pakai. Semua kementerian ini terlibat dalam sektor ekonomi dan sosial dan secara relatifnya mempunyai bajet yang besar. Selain itu, pemilihan ini adalah kerana kementerian berkenaan memberi tumpuan kepada rakyat berpendapatan rendah.

Di Malaysia, bajet terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bajet mengurus dan bajet pembangunan. Oleh itu, setiap kementerian perintis telah memilih satu atau lebih program mengurus dan dua atau lebih projek pembangunan bagi menguji aplikasi format dalam kedua-dua bajet tersebut. Jadual 3 menunjukkan program dan projek yang dipilih oleh kementerian perintis.

MENJADIKAN FORMAT BAJET NEGARA PEKA GENDER

Format piawai bajet negara mengandungi banyak elemen asas yang diperlukan bagi aktiviti bajet gender seperti menyediakan motivasi, objektif, butiran aktiviti, indikator (petunjuk) dan sasaran. Sehubungan itu, kementerian perintis menumpukan kepada penyediaan penyata bajet yang peka gender bagi program mengurus dan pembangunan terpilih di kementerian dengan memberi penjelasan ke atas elemen tersebut dan menambah satu atau dua item lain sahaja.

Bajet Mengurus

Format ABM-2 (Anggaran Belanja Mengurus-2) telah digunakan untuk bajet mengurus bagi projek perintis. Hanya beberapa penambahan isu gender di seksyen yang berkaitan dalam format ABM-2 (Lihat Jadual 4) adalah diperlukan untuk menjadikan bajet mengurus peka gender. (Jadual 4 menunjukkan item yang ditanda dan ditulis dengan huruf



condong ialah tempat atau bahagian di mana isu gender boleh ditambah.)

Dalam kebanyakan kes, penambahan isu gender tidak memerlukan tajuk tambahan. Ia hanya memerlukan pegawai bajet memikirkan dan menulis perbezaan antara perempuan dan lelaki, dalam menyediakan setiap item yang berkaitan dalam format ABM-2. Perkara baharu yang telah ditambah ialah *spesifikasi output* (Item 12) yang mana kesaksamaan merupakan faktor nyata yang perlu dipertimbangkan.

Jadual 3 Program dan projek yang dipilih oleh kementerian perintis

<u>Kementerian</u>	<u>Program Bajet Mengurus</u>	<u>Projek Bajet Pembangunan</u>
Kementerian Pelajaran (KPM)	Pendidikan rendah	~ Pembangunan sekolah berasrama penuh ~ Pembangunan kolej matrikulasi ~ Sekolah menengah khas pendidikan vokasional
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Universiti terpilih	~ Kampus Universiti Teknologi MARA, Pahang ~ Tempat letak kereta, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam ~ Kemudahan perumahan KUSTEM
Kementerian Kesihatan (KKM)	Ortopedik Pembangunan kesihatan keluarga	~ Naik taraf hospital ~ Kemudahan kesihatan luar bandar ~ Kemudahan kesihatan bandar
Kementerian Sumber Manusia (KSM)	Jabatan Tenaga Manusia	~ ILP Selandar, Melaka ~ ILP Selangor
Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Pembangunan Wilayah (KKLW)	Pembangunan masyarakat Pembangunan kanak-kanak	~ Bantuan perumahan kepada penduduk miskin ~ Pembangunan mental ~ Peningkatan pendapatan

Jadual 4 Bajet mengurus mengikut format ABM-2

1	Maksud bekalan	Nombor bekalan seperti dalam Buku Bajet
2	Agensi	Nama Kementerian/Jabatan
3	Program	Nama program
4	Aktiviti	Nama aktiviti
5	Kod	Kod perakaunan aktiviti untuk memudahkan rujukan
6	Punca kuasa	Keputusan Kabinet, Akta Parlimen atau arahan Perbendaharaan yang memberi kuasa
7	Objektif	<i>Objektif aktiviti yang telah dipersetujui. Perlu difokus kepada masalah yang perlu diselesaikan atau masalah yang perlu ditangani berasaskan kepada impak yang boleh dicapai. Objektif perlu dinyatakan bukan sahaja dalam bentuk fungsi tetapi juga dalam pernyataan perundangan atau dalam konteks yang lebih meluas.</i>
8	Analisis keperluan/dasar	<i>Jelaskan perkara berikut: (i) masalah/keperluan pelanggan yang perlu diselesaikan. Perlu dimasukkan data empirikal untuk menyokong keseriusan masalah/keperluan; (ii) sebab utama masalah/keperluan; (iii) strategi untuk menyelesaikan masalah/keperluan. Perlu dimasukkan (a) polisi alternatif dan aktiviti lain kerajaan untuk menyelesaikan masalah/keperluan dan (b) strategi jangka pendek dan jangka panjang dan tahun kewangan yang relevan.</i>
9	Pelanggan	<i>Pelanggan yang akan menerima faedah secara langsung atau tidak langsung daripada aktiviti</i>
10	Fungsi	<i>Fungsi utama yang perlu dilaksanakan untuk menghasilkan output akhir aktiviti. Perbezaan fungsi akan membantu mengenal pasti perbelanjaan daripada sumber lain.</i>
11	Sumber-sumber	Maklumat sumber yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti.
12	Spesifikasi output	<i>Output akhir yang telah dihasilkan. Maklumat mengenai: (i) kuantiti output (ii) kualiti output (iii) ketepatan masa untuk menghasilkan output (iv) kos output (v) kesaksamaan (tambahan gender) Untuk setiap yang di atas perlu dimasukkan data mengenai: * perjanjian/pencapaian/perbezaan i.r.o. tahun terdahulu * perjanjian/varian untuk tahun semasa * cadangan untuk tahun hadapan</i>
13	Petunjuk impak	<i>Petunjuk aktiviti mengikut sistem yang ditetapkan⁺</i>
14	Rancangan penilaian program	<i>Nyatakan: (i) tahun permulaan program/aktiviti (ii) bilakah penilaian terakhir dibuat dan cadangan untuk penilaian seterusnya (iii) kriteria utama yang akan dinilai dalam kajian semula pada masa hadapan (iv) metodologi yang dicadangkan bagi mendapat data untuk penilaian.</i>

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, *Buku Panduan: Sistem Belanjawan Diubahsuai*, Edisi Kedua, 1999.

⁺ Sistem untuk petunjuk impak mengandungi perkara berikut:

- * Nama aktiviti
- * Tahun terakhir penilaian dibuat
- * Tahun permulaan aktiviti
- * Tahun penilaian akan datang

- * Isu-isu yang dinilai
- * Metodologi

Note: Dua item yang ditulis dengan huruf condong boleh dimasukkan isu gender.

Data mengikut pecahan gender untuk bajet mengurus

Salah satu cara yang paling berkesan untuk memasukkan isu gender dalam bajet adalah dengan mengintegrasikan data mengikut pecahan gender—contoh: data yang me-

nunjukkan bilangan perempuan dan lelaki yang terlibat dalam situasi yang berbeza. Kotak 2 mengandungi contoh perintis yang menunjukkan bagaimana Kementerian terpilih mengintegrasikan gender ke dalam item yang berbeza dalam mengikut format ABM-2.

KOTAK 2 Contoh item dalam ABM-2 yang responsif gender

7 Objektif

KPT: UNIVERSITI — Universiti ini akan memastikan bahawa pemohon lelaki dan perempuan yang memohon untuk menyambung pelajaran di universiti menerima peluang yang sama untuk dipilih. Universiti ini juga berhasrat untuk mencapai kesaksamaan gender dalam kalangan kakitangan dan pelajar dalam menjalankan operasinya.

8 Analisis keperluan/dasar

KKM: ORTOPEDIK — Pesakit yang menghidapi penyakit ortopedik (termasuk kecederaan) akan menerima perkhidmatan diagnostik dan rawatan sebagai pesakit dalam atau luar. Secara umumnya, terdapat lebih ramai pesakit lelaki akibat daripada kecederaan dan lebih ramai pesakit perempuan yang lanjut usia menderita kerana mengalami masalah osteoartritik.

Strategi untuk memenuhi keperluan: Untuk memastikan terdapat bilangan katil yang mencukupi bagi pesakit perempuan dan lelaki.

KLW: PEMBANGUNAN KANAK-KANAK — Pendidikan awal kanak-kanak adalah penting kepada pembangunan kanak-kanak secara keseluruhan. Ia khususnya penting bagi kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah kerana ibu bapa (khususnya ibu) mungkin tidak mempunyai pendidikan dan sumber untuk menyediakan mereka dengan segala keperluan yang diperlukan di peringkat awal pembangunan ini. Oleh itu, guru TABIKA perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai matlamat tersebut.

Kursus dan bengkel yang diberikan kepada guru TABIKA dari semasa ke semasa (latihan dalam perkhidmatan) akan meningkatkan kemahiran dan membantu mereka menjadi tenaga kerja yang terlatih. Bagi penjaga utama, kebiasaannya ibu, pewujudan KEMAS memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan aktiviti lain di waktu siang termasuk menambah pendapatan atau melanjutkan pelajaran serta latihan.

9 Pelanggan

KKM: PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA — Usaha sedang diambil untuk meningkatkan kesedaran kaum lelaki untuk lebih bertanggungjawab dan memainkan peranan dalam perancangan keluarga. Satu projek perintis dikenal sebagai 'Perkhidmatan Kesihatan Reproktif Komprehensif', yang melibatkan empat klinik kesihatan telah dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada kaunseling pasangan. Pendidikan kesihatan mengenai kaedah perancangan keluarga memberi penjelasan kepada pasangan berhubung dengan penggunaan pil perancang, kondom, implan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pilihan kaedah perancangan ditentukan oleh pasangan yang ingin merancang keluarga. Pembantu perubatan yang bertanggungjawab merawat pesakit luar kini mempunyai maklumat mengenai pelbagai kaedah perancangan keluarga. Dengan ini, mereka boleh menyampaikan maklumat tersebut kepada pesakit.

Isu menopause dan kekurangan androgen separa di kalangan kaum lelaki perlu diberi perhatian. Kesedaran kaum wanita dan lelaki mengenai perubahan yang berlaku setelah mengalami menopause dan kekurangan androgen separa perlu ditingkatkan. Ini boleh mengurangkan tekanan mental yang dihadapi oleh kaum wanita dan lelaki.

KPM: PENDIDIKAN RENDAH DAN MENENGAH

Pelanggan langsung

- Pelajar lelaki dan perempuan berumur 6–13 tahun
- Guru lelaki dan wanita
- Pengetua lelaki dan wanita
- Kakitangan sokongan lelaki dan wanita

KOTAK 2 Contoh item dalam ABM-2 yang responsif gender (sambungan)

10 Fungsi

KKM: ORTOPEDIK — Bagi menyediakan pendidikan kesihatan kepada pesakit. Contohnya, bagaimana untuk mengelak kemalangan dan bagaimana untuk mencegah masalah osteoartritik yang berkaitan dengan usia.

12 Spesifikasi output

[Format yang ditunjukkan di bawah perlu diguna pakai pada setiap tahun.]

KPT: UNIVERSITI

Kumpulan Sumber	Diluluskan	Jumlah pada tahun terdahulu (2002)		
		Diisi		Jumlah
	<i>Jumlah</i>	<i>Lelaki</i>	<i>Wanita</i>	
Pelantikan Perundangan dan Pentadbiran				
Kumpulan pengurusan tertinggi				
Kumpulan pengurusan profesional				
Kumpulan sokongan				
Jumlah				

13 Petunjuk Impak

KSM: JABATAN TENAGA MANUSIA

Petunjuk Impak	Pencapaian sebenar pada tahun terdahulu (2003)		
	<i>Lelaki</i>	<i>Wanita</i>	<i>Jumlah</i>
Liputan tinjauan			
Bilangan pelatih yang bekerja dalam bidang yang dilatih			
Bilangan pelatih yang bekerja dalam tempoh sebulan selepas tamat latihan			
Bilangan pencari kerja yang mempunyai latihan kemahiran			
Pertambahan bilangan pekerja terlatih dalam pasaran			
Bilangan firma yang menghantar kakitangan untuk mengikuti latihan di ILJTM			

14 Pelan Penilaian Program

KKM: ORTOPEDIK — Isu yang akan dinilai pada tahun 2004/5: Mengambil kira perspektif gender apabila membuat anggaran beban tugas di peringkat nasional, penggunaan sumber, sasaran pembangunan dan piawai untuk penjagaan optimal dalam konteks Malaysia dan kualiti penjagaan dalam amalan ortopedik.



Bajet Pembangunan

Format piawai Malaysia bagi bajet pembangunan berbeza daripada format bajet mengurus. Format bajet pembangunan tidak mempunyai banyak ruang untuk perbincangan, iaitu lebih bergantung kepada jawapan ya/tidak (Y/T) atau maklum balas lain

yang mudah untuk proses pengkomputeran. Namun begitu, terdapat beberapa item dalam format yang melibatkan gender atau isu keseksamaan lain.

Bagi projek perintis, kementerian berkenaan menyediakan ringkasan projek untuk dikemukakan kepada UPE pada setiap

permulaan rancangan lima tahun. Ringkasan projek tersebut menggunakan tajuk piawai seperti berikut:

- Tajuk
- Tempat
- Latar belakang
- Objektif
- Skop
- Komponen
- Anggaran kos
- Justifikasi

Data mengikut pecahan gender untuk bajet pembangunan

Sebagaimana bajet mengurus, data mengikut pecahan gender juga berguna dalam menganalisis program bajet pembangunan. Kotak 3 mengandungi contoh bagaimana Kementerian perintis menintegrasikan perspektif gender dalam cadangan projek pembangunan yang dipilih.

KOTAK 3 Contoh item dalam cadangan projek yang responsif gender

1 Latar belakang projek

KKLW: PROJEK BANTUAN PERUMAHAN — Rumah yang lengkap—minimum 3 buah bilik (untuk ibu bapa, anak perempuan dan anak lelaki)—merupakan komponen kemudahan asas yang diperlukan oleh keluarga miskin. Keutamaan diberikan kepada ketua isi rumah wanita yang miskin kerana dasar memberi tumpuan kepada ibu tunggal yang mempunyai tanggungan.

2 Objektif projek

KKM: KEMUDAHAN KESIHATAN BANDAR — Untuk menyediakan kemudahan penjagaan kesihatan bagi penduduk di kawasan bandar dan meningkatkan kesejahteraan serta membantu memaksimumkan pemulihan daripada penyakit, tumpuan khusus diberikan kepada kumpulan berikut:

- ibu mengandung dan bayi baru lahir
- warga emas
- bayi dan kanak-kanak kecil
- kanak-kanak istimewa
- murid sekolah dan remaja

3 Komponen projek

KKM: KEMUDAHAN KESIHATAN LUAR BANDAR — Kemudahan tambahan akan dibina bagi menyediakan ruang yang mencukupi untuk menjalankan skop perkhidmatan baru seperti kesihatan remaja (kaunseling untuk anak muda dan gadis), perkhidmatan pemulihan untuk golongan kurang upaya serta perkhidmatan untuk warga emas lelaki dan wanita.

4 Anggaran kos projek

KKLW: PROJEK BANTUAN PERUMAHAN — Pembinaan semula/pembinaan rumah baru (3 buah bilik, keselamatan mengikut keperluan dan dapur yang sesuai)

RM10,370++ (Semenanjung Malaysia)

RM11,930++ (Sabah & Sarawak)

5 Jangkaan output dan faedah daripada projek

KSM: ILP SELANDAR, MELAKA — Latihan kemahiran akan menyediakan peluang sama rata kepada lepasan sekolah lelaki dan perempuan kerana pemilihan pelatih dibuat berdasarkan kelayakan dan bukannya jantina. Melihat kepada trend permohonan yang diterima sehingga kini, terdapat pertambahan bilangan pemohon perempuan. Ini akan meningkatkan kadar penyertaan pelatih perempuan dalam bidang kemahiran.

6 Justifikasi projek

KKLW: PROJEK BANTUAN PERUMAHAN — Rumah yang selesa dan selamat boleh mewujudkan persekitaran yang aman. Rumah yang lebih baik akan menggalakkan penerimaan kepada perubahan. Sasaran bantuan kepada ketua isi rumah wanita akan meringankan bebanan mereka.





Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 1–6, Blok E, Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana, Jalan Dato' Onn, 50515 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03 2693 0095 Faks: 03 2698 5982 Laman web: www.kpwkm.gov.my

Program Pembangunan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
Wisma UN, Blok C, Kompleks Pejabat Damansara, Jalan Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03 2095 9122 Faks: 03 2095 2870 Laman web: www.undp.org.my